

22 JUN 1999

BSKL-CI

CI CECAH 800 MATA SEBENTAR, TETAPI DITUTUP RENDAH SEDIKIT

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Indeks Komposit (CI) Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menguji halangan 800 mata hari ini untuk kira-kira lima minit kerana pembelian semasa saham murah ke atas saham-saham mewah.

Seorang peniaga berkata bahawa tanda aras indeks itu mencecah paras tertinggi harian 800.36 mata pada pukul 11.07 pagi, dibantu oleh kecergasan berterusan bursa itu yang dicetuskan oleh urusaniaga spekulatif ke atas saham-saham murah.

Bagaimanapun, kekurangan pembelian susulan dan pengambilan untung, walaupun diserap dengan baik, menyaksikan CI ditutup pada 793.43, iaitu 7.41 mata lebih tinggi daripada penutup semalam 786.02, kata peniaga itu.

Kali terakhir CI kelihatan melebihi 800 mata ialah pada 16 Okt 1997 apabila indeks itu ditutup pada 802.02 mata.

Peniaga itu berkata bahawa bursa meneruskan aliran meningkat hari ini kerana khabar-khabar angin mengenai pilihan raya umum yang awal, dan ke atas beberapa kaunter permodalan kecil.

Malaysia, sehingga pertengahan tahun depan, akan mengadakan pilihanraya umumnya, tetapi banyak pelabur meramalkan pilihanraya yang awal.

Angka-angka Keluaran Dalam Negara Ksar (KDNK) suku pertama yang akan dikeluarkan esok, turut mendorong BSKL yang menyaksikan 718.072 juta saham bernilai RM1.345 bilion bertukar tangan.

Bank Negara dan Jabatan perangkaan dijadual mengadakan persidangan akhbar bersama mengenai KDNK suku pertama esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa KDNK Malaysia dalam tiga bulan pertama tahun ini, dianggarkan menguncup sebanyak 1.5 peratus.

Dalam tempoh yang sama tahun lalu, KDNK menguncup 2.8 peratus.

-- BERNAMA

AD FR OS